

Kerajaan negeri komited bangunkan sektor pendidikan

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR

nikjasni.ub@gmail.com

UB 06/11/2011 A1

KOTA KINABALU: Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima Musa Aman berkata kerajaan negeri sentiasa menyokong usaha pembangunan pendidikan dan menjalin kerjasama rapat dengan kerajaan persekutuan bagi membangunkan sektor pendidikan di Sabah.

Beliau berkata, usaha itu penting bagi memastikan Sabah mempunyai jumlah sekolah dan institusi pengajian tinggi yang cukup untuk melahirkan tenaga kerja berpengetahuan sekali gus membolehkan Sabah memainkan peranan positif dalam pembangunan negara.

“Sekolah memainkan peranan penting dalam aspek pembangunan pendidikan awal yang kemudiannya akan diperkasakan melalui pendidikan di peringkat pengajian tinggi.

“Kerajaan negeri juga mahu membawa pendidikan ke kawasan yang tiada kemudahan pengajian tinggi, dan untuk itu, hab pendidikan diwujudkan di Sandakan

dengan menawarkan kursus pertanian lestari di bawah Universiti Malaysia Sabah (UMS), manakala institusi lain akan menyertai hab itu kemudian,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan Malam Kebudayaan Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Chung Hwa Likas di Dewan Tsung Tshin, di sini, malam tadi.

Ucapan beliau disampaikan oleh Timbalan Ketua Menteri yang juga Menteri Pembangunan Sumber dan Teknologi Maklumat, Datuk Dr Yee Moh Chai.

Kerajaan negeri juga katanya, telah menyediakan peruntukan bernilai jutaan ringgit untuk sekolah jenis kebangsaan Cina, bebas dan wawasan manakala SRJK Chung Hwa Likas adalah salah satu sekolah yang menerima manfaat daripada dasar ini.

Dalam pada itu, beliau berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, yang telah mengumumkan peruntukan berjumlah RM100 juta

untuk sekolah Cina, Tamil dan sekolah wawasan serta institut Mara dalam Bajet 2012 baru-baru ini.

Tegasnya, inisiatif ini membuktikan kerajaan negeri dan persekutuan amat peka kepada keperluan sekolah-sekolah dalam usaha meningkatkan tahap pendidikan negara.

Dalam pada itu, beliau berkata kerajaan negeri amat berbangga kerana SJK(C) Chung Hwa Likas terus mencatatkan pencapaian cemerlang dalam akademik dan kokurikulum.

Kecemerlangan ini, tambahnya, adalah hasil kombinasi sistem pentadbiran sekolah yang baik, lembaga pengarah sekolah yang komited dan komitmen Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

“Keupayaan untuk berganding bahu dan saling membantu telah menyumbang kepada persekitaran yang baik di sekolah untuk pelajar memberikan yang terbaik dalam pembelajaran mereka,” katanya.

Musa menambah, aspek pendidikan

memerlukan pelbagai input untuk berkembang seperti kakitangan yang berkualiti dan peralatan yang boleh memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dan perkara ini memberi tekanan kewangan kepada lembaga sekolah dan PIBG.

Bagaimanapun katanya, SJK (C) Chung Hwa Likas, yang ditubuhkan di bawah Dewan Perniagaan Cina berusaha memastikan perkembangan sekolah itu selari dengan perubahan teknologi semasa yang mempengaruhi proses P&P, selain perlu menepati dasar-dasar pendidikan negara.

Di samping itu, beliau berkata malam kebudayaan adalah platform untuk pelajar mempelajari nilai kerjasama dan kepentingan ketepatan.

Tambahnya, program ini juga adalah salah satu cara untuk meluahkan pendapat mereka yang akan memberi keyakinan kepada mereka untuk memberikan pendapat pada masa depan, terutamanya apabila mencari kerja kelak.